

Penempatan Baru Penduduk Terjejas Projek Rapid Siap Mac Tahun Depan - MB Bernama
29 Mac, 2012

JOHOR BAHRU, 29 Mac (Bernama) -- Kerja-kerja pembinaan penempatan baru bagi penduduk kampung yang tanah mereka terlibat dengan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) Petronas di Pengerang telahpun bermula, kata Menteri Besar Khamis.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berharap, kerja-kerja pembinaan penempatan baru yang boleh didiami oleh 2,000 keluarga yang terjejas itu dijangka siap sepenuhnya pada Mac tahun depan.

"Penempatan baru yang berkeluasan 300 ekar (120 hektar) itu terletak tidak jauh daripada kampung-kampung asal penduduk yang terlibat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran 2012 (Kepak) di Persada Johor hari ini.

Kerajaan negeri, kata beliau, akan melengkapkan penempatan baru itu dengan segala kemudahan awam yang diperlukan penduduk seperti sekolah, tadika, padang permainan dan lain-lain lagi.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655776>